

15/04/2003

JPA boleh siasat Pengarah Bomba Kelantan

PUTRAJAYA: Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA), boleh menyiasat Pengarah Bomba dan Penyelamat Kelantan, Zamri Ibrahim atas dakwaan melanggar etika sebagai anggota perkhidmatan awam.

Ketua Setiausaha Negara, Tan Sri Samsudin Osman, berkata bagaimanapun setiap dakwaan pelanggaran etika harus disertakan bukti bagi mengelak pelbagai tuduhan tidak berasas.

"Kalau ada yang melanggar etika, ia perlu dilaporkan dan siasatan boleh dibuat," katanya kepada pemberita selepas menyampaikan Sijil MS ISO 9001 kepada Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (Jakim) di sini, semalam. Hadir sama, Ketua Pengarah Jakim, Datuk Mohamad Shahir Abdullah.

Beliau mengulas mengenai kekecohan yang berlaku di Kota Bharu pada majlis perjumpaan di sebuah restoran di Jalan Long Yunus Rabu lalu.

Majlis itu dikatakan bertujuan menyerahkan memorandum rasa tidak puas hati dan bantahan penyokong Umno terhadap Zamri, kepada Ketua Umno Bahagian Kota Bharu, Zaid Ibrahim, untuk diserahkan kepada menteri berkenaan.

Memorandum itu antara lain menyentuh tingkah laku pegawai bomba negeri yang didakwa melanggar Perintah Am Pekeliling Perkhidmatan Awam serta Aku janji untuk berkhidmat dan setia kepada kerajaan.

Memorandum itu dikatakan mengandungi enam perkara termasuk Zamri didakwa membenarkan penganjuran ceramah di surau jabatannya dengan menjemput penceramah Pas pada 17 dan 22 Februari lalu.

Zamri juga didakwa membenarkan pengedaran akhbar lidah rasmi Pas, Harakah dalam jabatan, menganiaya ahli bomba yang menyokong Umno dengan menukarkan tempat mereka bertugas ke kawasan lebih jauh, memulau kelas jahitan anjuran Jabatan Kemajuan Masyarakat (Kemas) di jabatan itu.

Beliau juga dikatakan enggan hadir pada majlis yang membabitkan kehadiran Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad dan Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi di Kelantan, baru-baru ini.

Memorandum berkenaan bagaimanapun tidak dapat diserahkan pada majlis itu, berikutan kekecohan yang tercetus. Kedua-dua pihak, Zaid dan Zamri membuat laporan polis mengenai kejadian itu.

Samsudin, yang belum menerima laporan berhubung kejadian itu, berharap sebarang pertelingkahan diselesaikan menerusi rundingan.

"Kita harap mana-mana pihak tidak mengambil tindakan sendiri. Jika ada kesilapan, ia patut dirundingkan dan diuruskan dengan baik," katanya.